

D892

U B166 DEB 1985
MAHATHIR - SABAH R R R R

LAHAD DATU, 17 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI SECARA TERBUKA MEMBIDAS PIHAK-PIHAK YANG MENENTANG PARTI BERJAYA DI SABAH SEBAGAI GOLONGAN PELAMPAU.

PERDANA MENTERI BERKATA PADA SATU WAKTU DULU BERJAYA DITOHMAH SEBAGAI PARTI YANG MENENTANG ISLAM DAN KINI ADA PULA PIHAK YANG MENUDUH KERAJAAN NEGERI ANTI-ORANG BUKAN ISLAM.

TOHMAH-TOHMAH BEGITU ADALAH BERBAHAYA DAN JIKA DIBIARKAN BOLEH MENGGUGAT KEHARMONIAN YANG DINIKMATI SELAMA INI OLEH PENDUDUK BERBILANG KAUM DAN AGAMA DI SABAH, KATANYA KETIKA BERUCAP KEPADA PARA PEMIMPIN MASYARAKAT DI DEWAN TUN DATU MUSTAPHA DI SINI.

KATANYA TUDUHAN OLEH SETENGAH PIHAK BAHAWA KERAJAAN BERJAYA DI SABAH ANTI-ISLAM ADALAH TIDAK BERASAS MEMANDANGKAN KERAJAN NEGERI TELAH MEMBERI PERHATIAN SEWAJARNYA KEPADA PENGEMBANGAN AGAMA ISLAM DI NEGERI INI.

INI MENGAKIBATKAN ADA PIHAK PULA MENUDUH YANG KERAJAAN NEGERI TIDAK MENGHIRAUKAN MASYARAKAT BUKAN ISLAM, KATANYA. -- LAGI
2009MST 17 02 85

D894

U B167 DEB
MAHATHIR - SABAH 2 LAHAD DATU R R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN NEGERI MELAKSANA DASARNYA UNTUK KEPENTINGAN SEMUA PIHAK SAMA ADA RAKYAT ISLAM ATAU BUKAN ISLAM.

BELIAU BERKATA AJARAN ISLAM ADALAH SEDERHANA DAN PERBUATAN YANG MENIMBULKAN KACAU-BILAU ADALAH BERTENTANGAN DENGAN AJARAN AGAMA TERSEBUT.

KATANYA, PARTI BERJAYA MERUPAKAN SATU-SATUNYA PARTI MAJMUK DI NEGARA INI DAN TELAH MEMBUKTIKAN KEMAMPUANNYA MEJUJUDKAN KERUKUNAN HIDUP DI KALANGAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM DAN AGAMA.

MESKIPUN ADA BEBERAPA BUAH PARTI LAIN YANG MENDAKWA SEBAGAI PARTI BERBILANG KAUM TETAPI YANG TERNYATA KEANGGOTAAN PARTI-PARTI ITU HANYA TERTUMPU KEPADA SESUATU KAUM SAHAJA, KATANYA.

+ SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA BERJAYA KERANA BERJAYA MEJUJUDKAN SUASANA BEGINI BAIK, + KATA BELIAU DISAMBUUT DENGAN TEPUKAN GEMURUH OLEH KIRA-KIRA 1,000 ORANG HADIRIN YANG PENUH SESAK DI DEWAN ITU.

BELIAU MENEGASKAN SUASANA TERSEBUT AMATLAH BAIK KERANA IA MENJAMIN KEAMANAN DAN KETENTERAMAN SUPAYA SEGALA USAHA PEMBANGUNAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN LANCAR BAGI FAEDAH RAKYAT.

+ RAKYA PERLU MENGEKALKAN KEADAAN INI,+ TEGASNYA -- LAGI
2015MST 17 02 85

D895

U B168 DEB
MAHATHIR-SABAH 3 LAHAD DATU RRRRRRR

PERDANA MENTERI MENYERU RAKYAT DI SABAH SUPAYA MENOLAK SEBARANG UNSUR PELAMPAU YANG BOLEH MENGGUGAT KEAMANAN, KETENTERAMAN DAN KEHARMONIAN PENDUDUK.

SEJAK BERJAYA MEMEGANG TERAJU PEMERINTAHAN SABAH, BANYAK PERUBAHAN TELAH DIBUAT DAN BELIAU BERPUAS-HATI DENGAN TAHAP PEMBANGUNAN YANG DICAPAI DI NEGERI INI.

KEJAYAAN PEMBANGUNAN SABAH TELAH MENARIK TUMPUAN PENDUDUK BUKAN SAHAJA NEGERI LAIN DI MALAYSIA MALAHAN DARIPADA NEGARA-NEGARA JIRAN SEPERTI INDONESIA DAN FILIPINA YANG TURUT MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGERI INI.

BELIAU MEMUJI KERAJAAN NEGERI KERANA MEMPUNYAI PANDANGAN JAUH DALAM PERANCANGAN PROJEK PEMBANGUNANNYA.

SEBAGAI CONTOH BELIAU MENYEBUT LADANG TANAMAN ROTAN SECARA KOMERSIAL DAN LADANG KAYU JELUTUNG YANG DIPERCAYAI PERTAMA KALI DIUSAHAKAN DI DUNIA.

-- LAGI

2022MST 17 02 85

D898

U B169 DEB

MAHATHIR-SABAH 4 LAHAD DATU RRRRRR

PERUSAHAAN LADANG JELUTUNG DI KAWASAN TANAH SELUAS 2,000 HEKTAR DI KOMPLEKS LADANG JEROCO YANG MELIPUTI KAWASAN SELUAS 14,000 HEKTER KIRA-KIRA 100 KM DARI SINI HANYA AKAN MEMBERIKAN HASIL DALAM TEMPOH ANTARA 50 HINGGA 60 TAHUN AKAN DATANG.

INI MENUNJUKKAN PANDANGAN JAUH KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMBERI FAEDAH KEPADA GENERASI AKAN DATANG, TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN PUSAT AKAN TERUS MEMBERI PERHATIAN BERAT KEPADA PEMBANGUNAN NEGERI SABAH KHUSUSNYA DALAM PEMBINAAN PROJEK-PROJEK PRASARANA.

MULAI TAHUN INI KERAJAAN PUSAT TELAH MENGAMBIL-ALIH TANGGUNGJAWAB PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN SEBAHAGAIN BESAR JALAN-JALAN UTAMA DI SABAH TERMASUK LEBUHRAYA SANDAKAN - LAHAD DATU SERTA JAMBATAN-JAMBATAN YANG MERENTANGI SUNGAI-SUNGAI DI SEPANJANG LALUANNYA.

BAGAIMANAPUN PERLAKSANAANNYA MENGAMBIL MASA KERANA KAJIAN MENYELURUH PERLU DIBUAT MEMANDANGKAN BANYAK KAWASAN YANG DILALUI OLEH LEBUHRAYA ITU ADALAH KAWASAN RENDAH YANG MUDAH DITENGGELAMI BANJIR.

-- LAGI

2032MST 17 02 85

D899

U B170 DEB

MAHATHIR-SABAH 5 LAHAD DATU RRRRRR

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH KETUA MENTERI DATUK HARRIS SALLEH KEMUDIAN MEMBUAT LAWATAN MENGEJUT KE HOSPITAL DAERAH DEKAT SITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TIBA DI LABUAN PETANG TADI SETELAH MENAMATKAN LAWATAN DUA HARI KE SABAH. KETIBAANNYA DISAMBUT OLEH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR. JAMES ONGKILI, TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN ENCIK AHMAD SHAH TAMBAKAU DAN BEBERAPA ORANG MENTERI SABAH.

MALAM INI BELIAU MENGADAKAN PERTEMUAN TERTUTUP DENGAN BEBERAPA ORANG MENTERI SABAH DAN AKAN MENGIKUTI TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN LABUAN OLEH KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ESOK. -- BERNAMA

2034MST 17 02 85